

“RAMADHAN JIHAD MELAWAN NAFSU”

Oleh: JAKIM

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُنِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُنِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ

تَتَّقُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اَللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

Muslimin Yang di Rahmati Allah,

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Dalam bulan Ramadhan di mana siang dan malam dipenuhi keberkatan ini, maka marilah kita mengambil peluang keemasan untuk menghasilkan ibadah puasa yang memenuhi standard atau kualiti yang ditentukan Allah SWT. Mudah-mudahan Ramadhan kali ini menempatkan kita sebagai insan yang dikasihi Allah, membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat. Bersempena dengan Sambutan Hari Pahlawan Negara pada 31 Julai tahun ini, maka mimbar Jumaat pada hari ini akan menyampaikan khutbah bertajuk: “ **RAMADHAN JIHAD MELAWAN NAFSU**”.

Muslimin Yang di Rahmati Allah,

Walaupun peperangan adalah perbuatan terkutuk tetapi ada peperangan yang terpuji iaitu peperangan di jalan Allah atau peperangan fi sabilillah sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Haj ayat 39 yang bermaksud: *Diizinkan berperang bagi orang yang diperangi, sebab mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka*”. Jadi peperangan di jalan Allah itu ialah peperangan mempertahankan diri dari pengusiran, mempertahankan diri dari penganiayaan dan mempertahankan diri dengan jihad kerana Allah SWT. Oleh sebab itu mereka yang berperang di jalan Allah dianggap sebagai pahlawan Allah dan jika mereka mati pun dianggap mati syahid. Namun, persoalan besar timbul ialah bagaimanakah cara kita untuk meraih ganjaran yang hebat itu?. Mimbar ingin menegaskan bahawa jihad melawan nafsu merupakan kunci kepada segala peperangan. Firman Allah SWT di dalam surah Yusuf ayat 53:

وَمَا أُبْرِيءُ نَفْسِي إِلَّا بِالنَّفْسِ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي إِنَّ رَبِّي غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: “Dan tiadalah aku berani membersihkan diriku; sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

Pada bulan Ramadhan yang mulia ini Rasulullah SAW mengajar kita untuk meninggalkan suatu peperangan, suatu perjuangan atau suatu jihad yang kecil untuk dilatih melakukan satu perjuangan atau jihad yang besar iaitu jihad melawan nafsu. Jihad nafsu bermaksud mengawal diri bagi melakukan ketaatan kepada Allah SWT. Melawan hawa nafsu atau *mujahadatun nafsi* sememangnya sangat sukar bagi kita kerana tanpa kesedaran dan kemahuan yang sungguh-sungguh kita pasti dikalahkan kerana ianya telah dipengaruhi oleh syaitan laknatullah. Namun, berdasarkan hadith dan jaminan oleh Rasulullah SAW bahawa pada bulan yang mulia inilah segala musuh manusia telah dirantai oleh Allah SWT dan kita sebagai umat Islam di beri peluang seluas-luasnya untuk beribadah kepada Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW:

إِذْ كَانَ رَمَضَانَ فُجِّتْ أَبْوَابُ الرَّحْمَةِ وَغُلِّقَتْ أَبْوَابُ جَهَنَّمَ وَسُلِّسَتْ الشَّيَاطِينُ

Maksudnya: “Apabila masuk bulan Ramadhan terbukalah pintu-pintu rahmat dan terkuncilah segala pintu neraka dan terbelengguhlah syaitan daripada merasuk mangsanya.”(Bukhari & Muslim)

Berjihad melawan nafsu adalah tanda-tanda mereka yang cinta kepada Allah SWT. Tanda-tanda lain membuktikan kita cinta kepada Allah ialah, **pertama**: Selalu menyebut nyebut nama Allah dengan membaca al-Quran ataupun berzikir, **kedua**: Rindu kepada Allah, rindu pada hari saat kita akan melihatnya, **ketiga**: Mencontohi tingkahlaku dan ajarannya Rasul-Nya dan **keempatnya**: Bermanja-manja dengan-Nya ketika sedang bersendirian terutama ketika sepertiga malam yang terakhir.

Muslimin Yang di Rahmati Allah,

Pertembungan kepentingan antara kehendak gelojak hawa nafsu manusia sentiasa menimbulkan konflik dalam diri manusia. Pertembungan ini akan menentukan halatuju dan status fitrah kehidupan kita. Nafsu jahat dapat dikenal melalui sifat keji dan kotor yang ada pada manusia. Nafsu jahat dan liar itu dikatakan sifat *mazmumah* di antaranya ialah sum'ah, riya', ujub, cinta dunia, gila pangkat, gila harta, banyak bicara, hasad, dengki, ego, dendam, buruk sangka, mementingkan diri sendiri, pemaarah, tamak, serakah, bakhil, sombong dan lain-lain. Sifat-sifat ini melekat pada hati seperti daki melekat pada badan. Kalau kita tidak mengikis dan membuangnya maka ia semakin kuat dan menebal pada hati kita. Tetapi untuk membuangnya, maka seseorang itu memerlukan penglibatan diri dalam perjuangan, kesabaran serta berjihad.

Sebagai seorang Islam, salah satu perjuangan hebat yang perlu diamalkan oleh kita ialah puasa wajib Ramadhan. Puasa adalah ibadah yang sukar dan menjadi perjuangan secara senyap melawan hawa nafsu. Perjuangan ini juga adalah rahsia antara seseorang hamba dengan tuhan kerana gerak geri amalan puasa tidak dapat dinilai oleh orang lain. Ketika berpuasa kita bukan sahaja menahan diri dari keinginan makan dan minum tetapi seluruh anggota badan kita seperti mulut, mata, hati dan kemaluan juga hendaklah turut berpuasa.

Kita juga dituntut memperbanyakkan amal ibadah. Amalan wajib dan sunat yang padat dalam bulan Ramadhan ini memberi tumpuan latihan tubi pembersihan hati, pembersihan dalaman, mendisiplinkan anggota badan, mengukuhkan akhlak mulia dan mencegah penyakit. Oleh sebab itu terdapat dua penanda aras atau pengukuran nilai prestasi puasa iaitu apakah puasa Ramadhan kita semata-mata menahan lapar, atau kita berpuasa dan pada masa yang sama mengambil berat aspek pembersihan jiwa dan akhlak kita. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang berpuasa Ramadhan dengan penuh keimanan dan mengharap ganjaran pahala nescaya diampunkan baginya segala dosa yang terdahulu” (Riwayat Bukhari)

Muslimin Yang di Rahmati Allah,

Bersempena dengan Sambutan Hari Pahlawan Negara, mimbar mengajak umat Islam yang cintakan agama dan negara bahawa amatlah wajar bagi kita menghargai jasa dan pengorbanan besar pahlawan dan pasukan keselamatan dalam mempertahankan maruah agama, kedaulatan negara dan jatidiri bangsa negara kita. Mereka terdiri samada daripada warga Angkatan Tentera Malaysia, Polis di Raja Malaysia dan lain-lain agensi keselamatan serta individu yang secara bersama mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara. Firman Allah dalam Surah at-Taubah ayat 20 :

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْبَرُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْفَائِزُونَ

Maksudnya: “Orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar darjatnya di sisi Allah; dan mereka itulah orang yang berjaya.”

Maka selari dengan bulan yang mulia lagi berkat ini menyeru, kepada para jemaah sekalian marilah sama-sama kita bermujahadah dengan diri sendiri, mengawal segala perbuatan agar ianya bertepatan dengan kehendak syariat dan tuntutan agama. Mimbar juga menyeru marilah sama-sama kita menghiasi diri kita dengan amalan kebaikan dan menutup segala pintu-pintu nafsu kejahatan, bentuklah ahli keluarga kita menjadi insan bertakwa dengan amalan puasa wajib dan digilap pula dengan amalan-amalan sunat siang dan malam di sepanjang Ramadhan.

Walaupun bulan impian ini kelihatan memberi kesukaran dan ujian berat kepada umat Islam tetapi ia adalah anugerah Allah kepada hamba-Nya yang hanya datang setahun sekali dan merupakan satu jihad daripada seorang hamba kepada tuhanNya. Marilah sama-sama kita merenung firman Allah SWT dalam Surah Faatir ayat 10:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعِزَّةَ فَلِلَّهِ الْعِزَّةُ جَمِيعًا إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ يَرْفَعُهُ وَالَّذِينَ
يَمْكُرُونَ السَّيِّئَاتِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَكْرُ أُولَئِكَ هُوَ يُبَوَّرُ

Maksudnya: “ Sesiapa yang mahukan kemuliaan, maka bagi Allah jualah segala kemuliaan. Kepada-Nyalah naik segala perkataan yang baik dan amal yang soleh pula di angkat-Nya naik. Dan orang yang merancang kejahatan, adalah bagi mereka azab seksa yang berat; dan rancangan jahat mereka akan rosak binasa”.

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ , وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ , وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ , أَقُولُ قَوْلِيْ
هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَ لِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ النَّاعِيْنَ .



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah